

Malaysia tetap negara Islam

UM 15 JUN 2002

SUBANG 14 Jun - Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan kerajaan tidak akan menarik balik perisytiharan Malaysia sebagai sebuah negara Islam seperti yang didesak oleh DAP.

Menurut Perdana Menteri, perisytiharan itu adalah betul dan tepat lebih-lebih lagi seluruh dunia turut mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

Katanya, perisytiharan tersebut juga terbukti tidak menjejaskan kehidupan rakyat bukan Islam kerana mereka terus boleh hidup dalam keadaan aman serta diberikan keadilan dari segi undang-undang.

"Bagaimana DAP boleh menderita hanya disebabkan negara ini diisytiharkan sebagai negara Islam?"

Beritahu saya. Tunjukkan bahawa mereka (DAP) telah menderita kerana negara ini negara Islam. Sama ada kita tidak adil kepada mereka atau apa sahaja," katanya kepada pemberita di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini sekembalinya dari lawatan rasmi ke Vatican City, Switzerland dan Luxembourg.

Mengulas

Perdana Menteri diminta mengulas kempen DAP untuk menolak pengisytiharan Malaysia sebagai negara Islam hingga membawa kepada penahanan Pengerusi DAP, Lim Kit Siang, kerana didakwa mengedarkan risalah berunsur hasutan di pasar Pasir Pinji di Ipoh pada 5 Jun lalu.

Lim, yang kemudian dibebaskan dengan ikat jamin, berkata kempen DAP itu bertujuan membangkitkan kesedaran umum mengenai implikasi kenyataan Dr. Mahathir pada 29 September tahun lalu bahawa Malaysia ialah sebuah negara Islam.

Menyilas lanjut Dr. Mahathir berkata, DAP sengaja mahu memperbesarkan perkara tersebut ekoran kedudukannya yang semakin terdesak berikutan tiada isu yang boleh dimainkan untuk menarik perhatian rakyat.

"DAP sebenarnya telah muflis idea. Dia terpaksa cipta isu. Itu saja yang dia boleh fikir sedangkan tak ada sebab pun untuk DAP membuat memo (kempen) tersebut," katanya.

Perdana Menteri berkata, DAP sengaja melihat perkara itu sebagai masalah sedangkan rakyat pelbagai kaum melihat sebaliknya kerana masih boleh hidup dengan

Malaysia tetap negara Islam

UM 15 JUN 2002

aman tanpa masalah di negara ini.

Tambah beliau, perisytiharan tersebut tidak sepatutnya dijadikan isu kerana banyak negara lain juga mengambil langkah seumpama itu termasuk mengisytiharkan negara mereka sebagai negara Kristian.

Bagaimanapun menurut Perdana Menteri, beliau tidak hairan dengan sikap DAP itu kerana parti berkenaan hakikatnya sanggup berbuat apa sahaja untuk meraih undi dalam pilihan raya nanti.

"DAP sanggup tidur dengan macam-macam orang tidak kira siapa asalkan dapat satu undi pun cukuplah.

"Yang penting bagi mereka ialah undi. Kalau mereka fikir boleh dapat undi tambahan, mereka boleh tidur dengan sesiapa sahaja," katanya sambil menyifatkan DAP sebagai parti yang lemah dan sudah tidak lagi mendapat tempat di hati rakyat.